

'Dr M hukum saya kerana siasat kes Kasitah'
Malaysiakini.com
March 10, 2007
Soon Li Tsin and Kuek Ser Kuang Keng

Tugasan besar terakhir bagi Mohamad Ramli Abdul Manan sebagai pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) ialah menyiasat dakwaan rasuah terhadap Menteri Kemajuan Tanah dan Koperasi, Datuk Kasitah Gaddam.

Sejurus selepas beliau dan pasukannya seramai 15 orang, menyiapkan siasatan mereka, Ramli telah ditukar daripada jawatannya sebagai pengarah BPR Sabah.

Beliau percaya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengarahkan beliau ditukar dari Sabah dan 'dibekukan' di ibu pejabat BPR di Kuala Lumpur.

"Saya rasa (ianya) Dr Mahathir kerana bila saya tanya kepada mereka (pegawai BPR), mereka kata ianya arahan dari pihak tertinggi. Itu pada tahun 2000," katanya dalam satu wawancara eksklusif Dengan malaysiakini.

"Beberapa orang menteri dari Sabah telah menemui Dr Mahathir tetapi saya tidak ada bukti (mengenainya). Saya bertanya 'mengapa mereka melayan saya seperti ini', dan mereka menjawab arahan dari atas. Siapa lagi?" katanya.

Sejak minggu lalu, Ramli menjadi tumpuan pihak media ekoran dakwaan rasuah dan salahlaku seksual yang dibuatnya terhadap bekas bosnya, Ketua Pengarah BPR, Datuk Seri Zulkifli Mat Noor.

Dakwaan Ramli itu terkandung dalam laporannya kepada Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Bakri Omar.

Laporan tersebut yang pertama kali disiarkan oleh malaysiakini.

Zulkipli - yang telah menjadi Ketua Pengarah BPR sejak enam tahun lalu - telah menafikan semua tuduhan tersebut. Sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan yang dianggotai pihak polis dan Pejabat Peguam Negara untuk menyiasat dakwaan Ramli itu.

Bagaimanapun, Ramli memberitahu malaysiakini, Pejabat Peguam Negara tidak seharusnya terbabit dalam siasatan terhadap Zulkipli kerana kedua-duanya merupakan kawan baik.

"Kedua-dua mereka direkrut oleh Dr Mahathir. Pada masa itu, (Tan Sri) Gani Patail merupakan timbalan pendakwaraya (DPP) dan Zul pula merupakan ketua cawangan khas di Sabah.

Hilang kepercayaan pada BPR

Ramli, 56, sangat kecewa kerana reputasi BPR, tempat beliau berkhidmat hampir tiga dekad telah tercemar.

"Pada In 1978, jarang sekali kita dengar ada menteri yang rasuah. Itu masa sebelum Dr Mahathir. Pada waktu itu, menteri-menteri takut. Tapi sekarang mereka tahu mereka boleh terlepas. Kini mereka tidak takut (dengan rasuah)," tegasnya.

Ramli juga berkata BPR kini kurang kebebasan, dan membidas peguam negara kerana tidak mengambil tindakan membuat susulan terhadap laporan-laporan yang dikemukakan oleh BPR.

"Ini tidak seharusnya berlaku kerana (Abdul Gani) sebagai peguam negara patut meneliti bahan buktinya. Jika ada bukti, mereka harus mengambil tindakan. Keputusan dibuat berasaskan kepada bahan bukti. Jika buktinya mencukupi, (dan peguam negara boleh) membuktikan prima facie kes, maka anda tidak boleh membiarkannya," tambahnya.

Menurut Ramli, beliau sendiri sudah hilang kepercayaan kepada badan tersebut, tempat beliau pernah berkhidmat selama 28 tahun.

"Seseorang mesti bangkit untuk membetulkan sistem itu. Anda mesti menegaskan bahawa 'lihat sini, apa yang kamu lakukan adalah salah'. Jika sistem itu tidak menguntungkan badan berkenaan, maka perlu buat sesuatu," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/64343>